NAMA :______________________________ KELAS :______________



NO. KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

ANGKA GILIRAN

# UJIAN PRA PERCUBAAN UPSR 2013

**BAHASA MELAYU – PENULISAN** **012**
**JUN**

$1\frac{1}{4}$ jam **Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *atau* **nombor sijil kelahiran** *dan* **angka giliran** *kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian*: **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C.**
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi* **Bahagian B**, *kamu boleh memilih sama ada menjawab* **Soalan 1, Soalan 2** *atau* **Soalan 3.**
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | |
|---|---|---|
| Kod Pemeriksa: | | |
| Bahagian | No. Soalan | Markah |
| A | | |
| B | | |
| C | | |
| JUMLAH | | 60 |

Bahagian A
(10 markah)
(Masa dicadangkan: 15 minit)

Gambar di bawah menunjukkan suasana di dalam sebuah perpustakaan sekolah.
Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar tersebut




1.______________________________

______________________________

2.______________________________

______________________________

3.______________________________

______________________________

4.______________________________

______________________________

5.______________________________

______________________________

| |
|---|
| 10 |

**Bahagian B**
(30 markah)
(Masa dicadangkan : 40 minit)

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

1. Tulis sebuah karangan yang bertajuk "Cara-cara Menjaga Kesihatan".

ATAU

2. Seorang guru kamu akan berpindah ke sekolah lain. Kamu sebagai ketua kelas dikehendaki menyampaikan ucapan sempena perpindahan guru tersebut.

   Tuliskan teks ucapan kamu selengkapnya.

ATAU

3. Sudahkan cerita di bawah.

   Ketika berjalan-jalan di bandar, tiba-tiba saya terdengar bunyi letupan yang kuat di belakang sebuah bangunan. Saya segera.....

   Mulakan cerita dengan, Saya segera........

Bahagian C
(20 markah)
(Masa yang dicadangkan : 20 minit)

Tulis **lima** nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah ini. Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Igat tinggal di kawasan pedalaman Sarawak. Dia mengusahakan kebun di belakang rumahnya sebagai mata pencarian untuknya menyara keluarga. Isterinya, Galoh selalu membantu Igat di kebun. Bagi Galoh dengan membantu suaminya, kerja yang susah akan menjadi ringan dan hasil kebunnya dapat dituai dengan cepat. Anak-anaknya juga akan membantu mereka berdua apabila tidak bersekolah.

Setiap hari Ahad, Igat akan menjual hasil tanamannya di pasar tani. Igat melayan pelanggannya dengan mesra. Banyak orang yang suka membeli sayur-sayurannya yang segar. Harga yang ditawarkan Igat juga berpatutan. Kadang-kadang Igat memberikan sayur-sayurannya kepada jiran-jirannya. Jiran-jiran Igat amat menyenangi sikap Igat itu.

Igat juga tidak lupa menyimpan sebahagian wang yang diperoleh di bank. Igat tahu, wang itulah yang menjadi bekalannya pada hari tua nanti. Igat juga bercadang untuk membuka sebuah kedai runcit di kampungnya. Dia berharap impiannya akan menjadi kenyataan tidak lama lagi